


# Wanita Malaysia Tidak Ketinggalan



**Tidak hairan jika  
wanita Malaysia  
sekarang layak  
mengetuai  
kementerian, bank  
pusat, suruhanjaya  
sekuriti, universiti  
dan bank, di  
samping menjadi  
peneraju syarikat  
multinasional.**

OLEH KAMAL ABD. KARIM

**F**rasa "tangan yang mengayun buaian boleh menggoncangkan dunia" mungkin berbunyi klise. Namun demikian, frasa ini masih dan akan terus signifikan selagi wanita hanya dianggap sebagai sebahagian entiti yang kurang pengaruhnya berbanding dengan golongan lelaki yang begitu dominan.

Sama ada di peringkat antarabangsa mahupun domestik, golongan wanita masih dilabelkan sebagai pelengkap kepada kejayaan lelaki, dan belum lagi diiktiraf sepenuhnya sebagai sebahagian daripada ejen pembangunan yang dapat memberikan impak yang besar kepada kejayaan sesebuah negara. Ringkasnya, kewujudan wanita sememangnya disedari, tetapi peranan wanita masih lagi dikaitkan dengan "fungsinya" sebagai orang rumah.

Hakikatnya, wanita ialah denyut nadi kehidupan, bahkan wanita juga tiang negara. Apabila baik wanita, maka baiklah keadaan sesebuah negara. Perdana Menteri juga pernah menyatakan bahawa sekiranya kita pernah mencualikan sumbangan wanita dalam pembangunan negara, hal ini bermakna tenaga kerja kita akan kurang dengan begitu mendadak kerana hampir 36 peratus daripada tenaga kerja di negara ini terdiri daripada golongan wanita. Selebihnya perangkaan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) mendedahkan bahawa kira-kira 4.7 juta orang wanita berada di luar pasaran buruh dan tidak bekerja. Majoriti wanita yang berada di luar pasaran buruh ialah suri rumah tangga, iaitu jumlahnya hampir tiga juta orang.

Kelompok wanita yang berada di luar pasaran buruh juga sebenarnya menyumbangkan kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan masyarakat di negara ini. Suri rumah menyumbangkan kira-kira 45 peratus dalam kerja-kerja tanpa bayaran. Sumbangan ini jika dinilai dari segi wang Ringgit, dianggarkan berjumlah hampir RM55 bilion berasaskan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2007.

Sehubungan dengan hal itu, memang tidak dinafikan bahawa wanita di Malaysia

mendapat peluang yang lebih terbuka dalam pelbagai sektor penting negara. Golongan wanita di negara ini harus mengukui hakikat bahawa sudah ada nama besar dalam kalangan wanita yang menerajui institusi penting yang sebelum ini dimonopoli oleh lelaki. Tan Sri Zeti Akhtar Aziz yang menjadi Gabenor Bank Negara contohnya, kewibawaan beliau bukan sahaja diiktiraf di Malaysia, bahkan dunia turut mengukui kehebatannya. Negara harus juga berbangga dengan kejayaan Datuk Seri Rafidah Aziz yang pernah menerajui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, antara jawatan terpenting dalam Kabinet.

Begitu juga dengan sumbangan tokoh besar dalam kalangan wanita yang bukan sedikit perannya dalam memberikan buah fikiran serta membuat perancangan strategik yang melibatkan pembangunan ekonomi negara. Siapakah yang tidak mengenali Datuk Dr. Mahani Zainal Abidin, Ketua Eksekutif Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa atau Datuk Dr. Norraesah Mohamad, pakar ekonomi dan ahli Biro Ekonomi UMNO, yang membarisi senarai kumpulan pemikir (*think tank*) bagi memperkasakan pemacu pertumbuhan ekonomi negara? Sementara itu, pada November 2009, nama Malaysia harum di Mumbai, India, apabila Kongres Jenama Dunia 2009 memberikan Anugerah Kepimpinan Jenama kepada Presiden Institut Pemasaran Malaysia (IMM), Datuk Sharifah Mohd. Ismail. Penganugerahan itu menjadikan beliau wanita profesional yang pertama dari Malaysia yang berjaya merangkul anugerah antarabangsa berkenaan.

Dapatlah disimpulkan bahawa soal hak bagi golongan wanita tidak begitu menjadi isu kerana dalam beberapa hal, kewibawaan wanita Malaysia sememangnya diiktiraf setanding dengan wanita di negara maju. Namun demikian, yang menjadi persoalan ialah kuota penglibatan wanita yang masih rendah, terutamanya dalam sektor swasta. Secara keseluruhan, penglibatan wanita Malaysia dalam pasaran domestik masih rendah, walaupun jumlah wanita merangkumi separuh daripada populasi di Malaysia.

Namun demikian, berdasarkan penyelidikan oleh Grant Thornton International pada April lepas, dapatan menunjukkan bahawa Malaysia menduduki tempat kelima di seluruh dunia dengan 31 peratus wanita memegang jawatan kanan dalam perusahaan sederhana hingga besar (PSB) negara. Dapatan ini menunjukkan peningkatan lapan peratus daripada 23 peratus pada tahun 2007. Selain itu, sejumlah 39 peratus perniagaan di negara ini dilaporkan melibatkan penyertaan wanita bagi jawatan kanan.

Statistik itu ternyata membuktikan bahawa peluang wanita di negara ini untuk memperjuangkan peranan mereka sentiasa terbuka. Tidak hairan jika wanita Malaysia sekarang layak mengetahui Kementerian, bank pusat, suruhanjaya sekuriti, universiti dan bank, di samping menjadi peneraju syarikat multinasional.

## Golongan wanita di negara ini harus mengakui hakikat bahawa sudah ada nama besar dalam kalangan wanita yang menerajui institusi penting yang sebelum ini dimonopoli oleh lelaki.

Pada masa yang sama, berdasarkan *Gender Gap Report 2009*, Malaysia berada di tempat ke-100 daripada keseluruhan 134 buah negara yang dibuat kajian. Dapatan ini menunjukkan Malaysia turun empat anak tangga, daripada kedudukan ke-96 pada laporan tahun 2008 berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh *The Global Gender Gap Index*.

*The Global Gender Gap Index* mula diperkenalkan oleh World Economic Forum pada tahun 2006 dengan rangka kerja utamanya adalah untuk mengenal pasti skop dalam isu perbezaan gender. Tanda aras utama yang difokuskan adalah berkaitan dengan ekonomi, politik, pendidikan dan kesihatan yang melibatkan golongan wanita. Fokus utama indeks ini adalah untuk mengurangkan jurang perbezaan antara gender.

Indeks tersebut juga menyenaraikan kedudukan mengikut negara yang terlibat dan bertujuan untuk memberikan

kesedaran kepada dunia mengenai kesan dan cabaran yang perlu dilihat hasil daripada wujudnya perbezaan gender. Indeks ini juga memberikan ruang kepada negara terlibat untuk memperbaiki kelemahan dan kekurangan atau menambahbaikkan perancangan pembangunan golongan wanita yang sedia ada di negara masing-masing.

Sepuluh tempat teratas mengikut turutan ialah Iceland, Finland, Norway, Sweden, New Zealand, Afrika Selatan, Denmark, Ireland, Filipina dan Lesotho (terletak di Benua Afrika), manakala kedudukan yang paling bawah mengikut urutan dari tempat ke-124 hingga ke-134 pula ialah Qatar, Mesir, Mali, Iran, Turki, Arab Saudi, Pakistan, Chad dan Yaman.

Sementara itu, bagi bidang keusahawanan pula, pada tahun 2009, negara menyaksikan bahawa semakin

bidang memandangkan kedudukan mereka yang mengetahui beberapa syarikat multinasional yang biasanya didominasi oleh lelaki. Wanita Malaysia kini turut berpeluang memperoleh pelbagai geran dan dana kerajaan, termasuk skim bantuan khas menerusi Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SME Corp Malaysia).

Kerajaan dilihat tetap komited untuk terus menggerakkan agenda pembangunan dan pemeraksanaan wanita agar mereka dapat menyumbangkan pertumbuhan ekonomi serta menambah pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup masing-masing. Sepanjang tahun 2009, banyak program yang disediakan oleh pihak Kementerian, agensi yang berkaitan serta pertubuhan bukan kerajaan yang memberikan peluang kepada wanita untuk menceburi bidang profesional dan keusahawanan.

Setiap kali negara menyusun pelbagai program pembangunan negara, golongan wanita diajak turut serta dalam proses ini. Sumbangan wanita diperlukan sebagai sebahagian daripada guna tenaga. Hal ini dapat dilihat dari dua sudut. Pertama, pengakuan daripada kerajaan bahawa sumbangan wanita diperlukan demi kemajuan dan pembangunan negara. Kedua, mengikut teori pembangunan, wanita diajak memainkan peranan dalam arus pembangunan negara, menyertai, dan menikmati nikmat daripada proses ini kerana mempunyai pengaruh kuasa beli yang besar dalam merencanakan ekonomi negara.

Jika golongan wanita bijak merebut peluang yang sentiasa terbuka, sudah pasti wanita Malaysia dapat menggilap bakat, mengasah keupayaan dan meningkatkan kualiti serta kemahiran dalam pelbagai bidang serta tidak ketinggalan dalam arus globalisasi yang pesat berkembang.

Dalam hal ini, wanita di Malaysia benar-benar dibela, baik dari perspektif undang-undang mahupun aspek-aspek penting lain dalam kehidupan wanita. Agama Islam meletakkan dan memberikan kedudukan yang mulia kepada wanita dan kerajaan Malaysia sentiasa memastikan bahawa kedudukan tersebut tidak tergugat. **DE**

banyak wanita di Malaysia yang memilih bidang keusahawanan sebagai aliran kerjaya, sungguhpun mereka terpaksa menghadapi pelbagai cabaran, seperti kekurangan sokongan kewangan dan persaingan di pasaran.

Menurut Timbalan Menteri di KPWKM, Datin Paduka Chew Mei Fun, kerajaan mengambil berat tentang cabaran ini dan Kementerian berkenaan ditugaskan untuk mengenal pasti faktor yang menghalang seseorang itu daripada maju dalam perniagaan.

Mei Fun berkata, 99 peratus daripada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negara ini terlibat dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian, manakala wanita menguasai 16 peratus sahaja daripadanya dan kebanyakannya terlibat dalam sektor perkhidmatan. Usahawan wanita Malaysia juga semakin diiktiraf sebagai pemain utama dalam ekonomi. Malah, ada yang mendapat pengiktirafan dalam pelbagai